



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PENYERTAAN MALAYSIA DI MIPCOM MEMPUNYAI KESAN POSITIF TERHADAP EKONOMI, INDUSTRI SERTA BAKAT TEMPATAN**

Saya mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) atas kejayaan misi mereka ke MIPCOM, Perancis yang telah pun menjana nilai eksport dan pelaburan berjumlah RM20.72 juta melalui penyertaan di pasaran industri kandungan terbesar di dunia pada bulan lepas.

MIPCOM adalah satu acara tahunan peringkat antarabangsa yang mempamerkan kandungan kreatif melibatkan 14,000 peserta dari lebih 100 buah negara di Cannes, Perancis. Acara ini meliputi urusan jual beli, pengedaran, kerjasama produksi serta mempromosikan negara sebagai destinasi penggambaran.

Ia membuka peluang kepada pertumbuhan dan pembangunan pemain-pemain industri kreatif global termasuk para penerbit, penyiar serta pembeli filem dan program televisyen.

Penyertaan Malaysia pada tahun ini juga berjaya menarik minat beberapa syarikat produksi antarabangsa, yang berpotensi menjana urusan niaga bernilai RM138.68 juta.

Selain ini, hasil usaha KKMM untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kandungan kreatif dan lokasi penggambaran dunia dapat dilihat melalui promosi Insentif Penggambaran Filem di Malaysia (FIMI). Insentif 30% rebat tunai ini telah menarik minat lapan (8) buah produksi luar negara yang berpotensi menjana pelaburan asing sebanyak RM90.3 juta.

Dengan usaha-usaha ini, Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) membantu syarikat tempatan menembusi pasaran kandungan kreatif Antarabangsa dan menyumbang kepada pembangunan industri kreatif dan pertumbuhan ekonomi negara. Antara negara-negara yang mempunyai jalinan kerjasama dengan Malaysia termasuk Singapura, Perancis, United Kingdom, Korea, India dan Amerika Syarikat.

Industri kandungan hiburan dan media global, termasuk animasi dan *e-games*, dianggarkan bernilai USD2.4 trilion (RM9.6 trilion; USD1 = RM4) pada tahun 2022 mengikut laporan Global Entertainment And Media Outlook 2018-2022 oleh PwC, dan Malaysia berada di landasan yang tepat untuk meraih manfaat ekonomi daripada industri ini.

Ianya akan banyak memberi manfaat kepada penggiat industri kreatif tempatan dari segi pendedahan dan pengalaman bagi meningkatkan kualiti kandungan dan aspek produksi industri ini. Ini juga akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan yang akan menjadi inspirasi dan memberi galakan kepada generasi baharu yang berminat menceburi bidang kreatif ini.

**GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**27 NOVEMBER 2019**